

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

[Home](#) > [Berita Harian](#) > [5 April 1971](#) > [Page 7](#) > Mengapa kursus2 di-Universiti dapat sambutan dingin saja?

Mengapa kursus2 di-Universiti dapat sambutan dingin saja?

Berita Harian, 5 April 1971, Page 7

 Article also available on Microfilm Reel NL6727 Add to Citation Previous ArticleNext Article  Previous PageNext Page 

Mengapa kursus2 di-Universiti dapat sambutan dingin saja?

MEGA DONA.

 **SEJAK Extra Mural Studies** atau Jabatan Pengajian Tambahan, Universiti Singapura menganjorkan kursus2 dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar-nya dalam tahun 1964. Jabatan ini telah menganjor-kan kira2 15 kursus —kira2 tiga atau empat kursus da-lam sa-tahun.

Kursus2 ini ada-lah terdiri daripada beberapa jurusan ilmu pengetahuan saperti: bahasa, kesusastraan Melayu, ekonomi, so-siologi, sejarah, ke-wartawanan, penulis-an sekerip drama ra-

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
5 April 1971Reel Number:
NL6727Share     

Table of Contents ^

< Previous | [Page 7](#) | Next >

Mengapa kursus2 di-Universiti dapat sambutan dingin saja?

Mengapa kursus2 di-Universiti dapat sambutan dingin saja? MEGA DONA, JEJAK Extra Mural Studies atau

J-kuasa murid2 Tanglin Tinggi 'tak bergerak'

J-kuasa murid2 Tanglin Tinggi 'tak bergerak' MIRID TIJA TG TINGGI pENUBOHAN Jawa- tankusa Penasihat

Jangan lekas kechewa jikalau mahu berjaya dlm penulisan

Jangan lekas kechewa ji kalau mahu berjaya dlm penulisan RAHMAN ADAM, Singapore, caudan

[View Full Table of Contents >](#)

dio dan talivishen dan lain2 lagi.

Pencheramah2-nya terdiri daripada pakar2 dan ahli2 dalam bidang2 tertentu seperti: Prof. Syed Hassain Alatass, Dr. Shahrom Ahmad, Dr. Azahari Zahri, C. Tham, Zabha, Zain Mahmud dan lain2 lagi.

Langkah jabatan ini meninggikan taraf pelajaran dan ilmu pengetahuan gulongan terdidek Melayu patut-lah di-beri pujian dan penghargaan yang tinggi.

Tetapi apa yang sangat2 mendukachitakan ialah sambutan masharakat umum terhadap kursus2 yang telah di-adakan itu amat-lah dingin. Kadangkala ada kursus yang terpaksa ditanggohkan perjalanan-nya dan ada masa-nya

pula kursus2 itu terpaksa di-batalkan bagitu sahaja.

Kedinginan dan kegalan kursus2 ini sadikit sa-banyak tentu-lah memburokkan imej orang2 Melayu di-Repub-

Kesunggohan orang kita dalam mengejar ilmu pengetahuan untuk mencapai kejayaan nam-pak-nya hanya-lah merupakan selogan2 kosong yang tidak benar2 di-pe-raktikkan.

Saya maseh ingat, beberapa tahun dahulu beberapa suara telah melaung2kan kapada Pemerintah agar pintu Universiti di-buka sa-luas2-nya kapada pelajar2 jurusan Melayu yang mengambil kuliah2 tertentu di-pusat2 pengajian tinggi.

Tetapi apakala badan2 seperti Jabatan Pengajian Tambahan mengadakan kursus2 singkat sambutan daripada mereka sangat-lah mendukachitakan.

Ini menunjukkan kesedaran di-kalangan orang2 kita terhadap ilmu pengetahuan maseh tidak menyeluroh ka-akar umbinya.

Sedangkan kursus2 sambilan peserta2 terlalu dingin, inikan pula kalau sa-penoh masa tentu lebih burok daripada itu sambutan-nya.

Kalau tidak silap saya, tidak berapa lama lagi Dr. Shahrom Ahmad, pensharah sejarah di-Universiti Singapura dengan beberapa orang rakan-nya akan memimpin satu kursus kepimpinan yang khusus untuk pemimpin2 belia melalui jabatan ini.

Kalau-lah benar akan hal ini, saya harap kursus

ini akan mendapat sambutan yang sa-baik2-nya dan tidak akan mengalami nasib seperti kursus2 yang telah lalu.

Singapura.

Related Articles



Berkursus: Jangan bagi hangat2 tahi ayam sahaja

Berita Harian 20 April 1971

Berkursus: Jangan bagi hangat2 tahi ayam sahaja Pejeta KIUSUa Kewar...

Pengajian tambahan Universiti S'pura perluas lagi kursus tambahan

Berita Harian 4 January 1971

Pengajian tambahan Universiti S'pura perluas lagi kursus tambahan OING...

54 KURSUS BARU UNTOK ORANG RAMAI DI-VARSITI

Berita Harian 4 January 1970

54 KURSUS BARU UNTOK ORANG RAMAI DI-VARSITI JINGAPURA, Sabtu.

